UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# MESYUARAT PENGURUSAN InQKA (MPI)

## MINIT MESYUARAT PENGURUSAN InQKA (MPI) KE-45 BIL. 08/2019

| | |
|---|---|
| Tarikh : 28 Mei 2019 (Rabu) | Tempat : Bilik Seminar 1<br>AAGBS<br>UiTM Shah Alam |
| Masa : 9.30 pagi | |

**HADIR**

1. Prof. Dr. Hajah Roziah Mohd. Janor - Pengerusi
   Penolong Naib Canselor

2. Prof. Madya Rosslina Mohamed Nawi
   Pengarah Jabatan Web Media

3. Prof. Madya Dr. Ts. Nik Rosli Abdullah
   Pengarah Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi

4. Prof. Madya Dr. Azizah Abdullah - Pengerusi bersama
   Pengarah Jaminan Kualiti

5. Dr. Nor Hanisah Mohd. Hashim
   Ketua Unit Inovasi dan Kreativiti

6. Ir. Dr. Amirul Abd. Rashid
   Ketua Unit Pencapaian dan Penarafan

7. Dr. Rasidah Hamid
   Ketua Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu

8. Encik Mohd. Yusof Mustafar
   Ketua Unit Media Sosial

9. Dr. Hayati Abd. Rahman
   Pengerusi Kelab Kebajikan InQKA

10. Puan Siti Norul'Ain Mohd. Azizi
    Ketua Unit Pentadbiran

11. Puan Siti Nor Juhirniza Mior Mohd. Tahir
    ICT

12. Puan Norlelawati binti Mohamad Adi Pencatit Minit
    Setiausaha

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | membentangkan Projek KIK di International Convention On Quality Control Circle (IQCC) 2019 di Tokyo, Jepun oleh Kumpulan Im-Vative, UiTM Cawangan Kelantan telah pun diluluskan oleh Pejabat Bendahari.<br><br>E9/4 : Unit KIK telah mencadangkan Puan Nordiana Hayati daripada STRIKE sebagai Panel Penilai untuk Konvensyen KIK Peringkat UiTM | <br><br><br><br>Makluman |
| | **Hal-hal lain**<br>F/1 : Modul *Getting Publish and Cited* masih dalam bentuk *slide* dan dalam proses untuk disusun. Sekiranya telah siap 80% barulah Unit Komunikasi akan mendaftar untuk no ISBN. | Unit Komunikasi |
| D | **Agenda**<br>- Tiada | |
| E | **Laporan daripada Unit** | |
| E1 | **Unit Pentadbiran dan ICT**<br>Puan Siti Norul'Ain melaporkan :<br><br>1. Pembentangan kertas kerja penganjuran Program Pencapaian Strategik Kualiti UiTM sehingga Jun 2019 serta Majlis Jalinan Mesra Aidil Fitri InQKA 2019.<br><br>Dimaklumkan juga yang Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kualiti akan diadakan pada tarikh yang sama.<br><br>Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan majlis tersebut pada 25 Jun 2019 bermula jam 11.30 pagi. Puan Siti Norul'Ain diminta untuk mendapatkan kos sewaan khemah sekiranya majlis ingin diadakan di Dataran Tuanku Fauziah.<br><br>2. Laporan kewangan InQKA yang terkini adalah berbaki RM335,784.98.<br><br>**ICT**<br>Puan Siti Nor Juhirniza melaporkan :<br><br>3. Beliau memaklumkan bahawa sewaan computer peribadi telah pun dilanjutkan dan dijangka sebelum 24 Jun 2019, komputer yang baharu akan dihantar. | <br><br><br>Unit Pentadbiran<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>Makluman |
| E2 | **Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu**<br>Dr. Rasidah melaporkan :<br><br>1. Video dan gambar Aidil Fitri InQKA telah dimuatnaik ke laman web pada 27 Mei 2019.<br><br>2. Gambar semua staf akademik InQKA telah siap ditukar kepada gambar baharu di laman web InQKA pada 10 Mei | <br><br><br>Makluman<br><br><br>Makluman |

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | ditambahbaik dengan meletakkan logo atau nama InQKA dan jika perlu pelbagai lagi rekabentuk untuk poster tersebut. | |
| | 7. Penganjuran "webinar" atas talian secara langsung bagi sambutan Hari Kualiti Sedunia 2019 peringkat UiTM akan diadakan pada 14 November 2019. Kertas kerja telah dibentang pada MPI ke-44 dan telah mendapat kelulusan PNC InQKA. Poster telah pun siap dihasilkan dan surat jemputan kepada panel dan moderator akan dikeluarkan. | Unit Komunikasi |
| | 8. Kerangka Kualiti UiTM *Integrated Quality Management System* (iQMS)<br>InQKA adalah unit yang menjaga hal ehwal kualiti di seluruh UiTM. Kerangka kualiti telah lama dilaksanakan di seluruh UiTM namun, ianya adalah dalam keadaan *"Piecemeal"* dan tiada nilai sistematik.<br>Oleh itu, InQKA dalam usaha merealisasikan dan menyatukan kerangka kualiti seluruh UiTM supaya menjadi kerangka kerja yang menyeluruh, lengkap dan terancang bagi memantapkan sistem kualiti berterusan di UiTM. | Unit Komunikasi |



| | | |
|---|---|---|
| | • Sarjana Muda Pentadbiran Alam Sekitar –Akreditasi Sementara<br><br>4. Tambahan panel penilai luar | <br><br>Makluman |

| No | Butiran | Institutions | Bidang |
|---|---|---|---|
| 1 | Prof Madya Dr Mariani Abdul Majid | Faculty of Economics and Management, UKM | Islamic Banking, Economic |
| 2 | Prof Madya Dr Suhaimi Ab Rahman | Jabatan Pengurusan dan Pemasaran, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM | Islamic law, Business law and Comparative law |
| 3 | Prof Madya Dr Zeeda Fatimah Mohamad | Department of Science and Technology Studies, Faculty of Science | Environmental Management Science, Environmental Management Policy |

| | | |
|---|---|---|
| **E4** | **Unit Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi**<br>Puan Noor Azmah melaporkan : | |
| | 1. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan telah pun diadakan pada 17 Mei 2019 dan minit mesyuarat sekarang sedang dalam prosesk semakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik). | Unit SKKO |
| | 2. Unit SKKO telah menerima permohonan daripada Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi untuk mengadakan Kursus Audit Dalam pada 12 hingga 13 Jun 2019. Penceramah adalah terdiri daripada Tuan Syed Abdul Illah Alyahya Syed Abd Kadir dan juga Prof. Madya Ts. Dr. Nik Rosli Abdullah.<br><br>Pengerusi memohon supaya dicatitkan berapa jam bagi setiap ceramah yang dibuat oleh penceramah yang dilantik. | Unit SKKO |
| | 3. Cadangan lawatan ke QriM, Universiti Teknologi Malaysia telah ditunda ke bulan Julai memandangkan terdapat beberapa program penting InQKA pada bulan Jun. | Makluman |
| | 4. Certificate Renewal Audit ISO 9001:2015 Peringkat Korporat UiTM oleh Lloyd's akan dijalankan pada 1 dan 2 Julai 2019. Perbincangan lanjut mengenai persediaan audit akan dibuat bersama PNC. | Unit SKKO |
| | 5. Unit SKKO berhasrat untuk mengadakan Bengkel Penyediaan Dokumen SRR dan COPIA dengan kerjasama dengan Unit IQA. | Unit SKKO |

| | | |
|---|---|---|
| | **Unit Media Sosial**<br>Encik Mohd. Yusof melaporkan :<br><br>6. Memaklumkan bahawa terdapat kes yang membabitkan pensyarah wanita dan pelajar di UiTM Kampus Dengkil. Namun begitu ianya telah diselesaikan sesama mereka.<br><br>7. Tuduhan telah diterima daripada seorang individu (orang awam) mengenai pensyarah yang menganggu pelajar dan setelah disiasat pelajar tersebut mempunyai hubungan dengan pengadu Fakulti terbabit telah pun meminta pelajar tersebut untuk membuat laporan polis memandangkan pengadu mempunyai kes dengan pihak polis. | Makluman |
| **E7** | **Unit AKNC**<br>Puan Siti Norul'Ain melaporkan :<br><br>Permohonan telah diterima daripada Unit Audit Dalam untuk memberi taklimat AKNC<br><br>Pengerusi menyarankan mereka melayari laman web InQKA atau berjumpa dengan Puan Siti Norul'Ain bagi mendapatkan maklumat lanjut. | Puan Siti Norul'Ain |
| **E8** | **Unit Inovasi dan Kreativiti**<br>Dr. Norhanisah melaporkan :<br><br>1. Kertas kerja permohonan peruntukan sebagai pegawai pengiring kepada Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) IM-VATIVE, UiTM Cawangan Kelantan di International Convention On Quality Control Circle (ICQCC) 2019, Tokyo, Jepun di 21-29 September 2019.<br><br>Mesyuarat meluluskan permohonan tersebut dengan syarat beliau menjadi ketua delegasi untuk kumpulan tersebut dan diminta untuk membawa bahan-bahan UiTM Ads Campaign Kit. | Unit KIK |
| | 2. Deraf surat lantikan untuk Juruperunding Program Pengukuhan Pelaksanaan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) UiTM 3.0 iaitu Uno Q Consult Enterprise telah disediakan dengan terma dan syarat.<br><br>Mesyuarat bersetuju supaya latihan harus dijalankan pada tahun 2019 dan modul perlu dihabiskan sebelum konvensyen bermula. Modul yang dipersetujui adalah modul 4, 5 dan 6 sahaja. Caj keraian dan pengangkutan perlu dikeluarkan daripada terma. Pihak InQKA juga dibenarkan membatalkan kursus jika jumlah peserta tidak menggalakkan. | Unit KIK |
| | 3. Cadangan Pelan Pengkomersilan Produk KIK UiTM – *Business Model.* Beberapa Business Model telah dicadangkan dengan merujuk kepada MaGIC Global Accelerator Programme (GAP), 2018, Demo Day-Global | Unit KIK |

| | | |
|---|---|---|
| | menggunakan peruntukan bajet penarafan InQKA namun meminta supaya Unit Penarafan membuat pembetulan bagi implikasi kewangan.<br><br>6. Pembentangan kertas kerja penganjuran Bengkel Pemantapan Ranking Champion pada 26 hingga 27 Jun 2019 anjuran Unit Pencapaian dan Penarafan<br><br>Mesyuarat telah meluluskan permohonan di atas dengan menggunakan peruntukan bajet penarafan InQKA sebanyak **RM2,580.00.**<br><br>7. Pembentangan kertas kerja untuk QS WorldClass 2019 anjuran QS dengan kerjasama City University of Hong Kong dan Cornell University pada 12 - 14 Jun bertempat di Auberge Discovery Bay, Hong Kong.<br><br>Mesyuarat telah meluluskan permohonan di atas dengan menggunakan peruntukan bajet penarafan InQKA sebanyak **RM6,700.00.** | |
| **F** | **Hal-hal lain**<br><br>1. Penolong Naib Canselor akan menghadiri EduData Summit pada 11 hingga 13 Jun 2019. Sehubungan itu Prof. Madya Rosslina Mohamed Nawi akan menjalankan tugas sebagai Penolong Naib Canselor dalam tempoh tersebut.<br><br>2. Pengerusi mencadangkan supaya Unit Penerbitan ditempatkan bersama dengan Jabatan Web Media bila ruang tersebut telah disiap diubahsuai.<br><br>3. Pengerusi memaklumkan bahawa beliau telah mengunakan Sistem Letter Tracking. Beliau menyarankan supaya Encik Nik Kamran membantu Puan Norlelawati untuk *scan* semua surat masuk sekiranya beliau terlibat dengan mesyuarat. | <br><br>Makluman<br><br><br><br>Unit Pentadbiran<br><br><br>Unit Pentadbiran |

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 2.20 petang.

| Disediakan oleh: | Disahkan oleh: |
|---|---|
| ............................................ | ............................................ |
| **Norlelawati Mohamad Adi** | **Prof. Dr. Hajah Roziah Mohd. Janor** |
| Setiausaha | Pengerusi |
| Tarikh : 10-7-2019 | Tarikh : 12/7/2019 |